

Berita Q



Bil. 5 / 2004

Untuk Edaran Dalam Sahaja

No. ISSN 1675 - 7564

KPI di Peringkat Jabatan

SEMUA Pengarah Kampus, Dekan Fakulti dan Ketua Bahagian telah digesa untuk menyediakan *Key Performance Indicator (KPI)* di peringkat jabatan masing-masing serta menjalankan pengukuran secara berterusan. Gesaan ini dibuat oleh Y. Bhg. Dato' Seri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah di Ucapan Perasmian Seminar dan Bengkel Perancangan Strategik Kualiti UiTM 2004 hingga 2010 yang telah diadakan pada 19-22 Jun 2004 di Lumut, Perak.


Seramai 78 orang Dekan Fakulti, Pengarah Kampus, Ketua Bahagian dan jemputan lain telah menghadiri seminar dan bengkel Perancangan Strategik Kualiti tersebut. Turut hadir dalam seminar dan bengkel ini ialah Timbalan Naib Canselor (Perancangan dan Pembangunan) Y. Bhg. Dato' Prof. Dr. Hj. Abdul Halim Hj. Nawawi dan Timbalan Naib Canselor (Akademik) Y. Bhg. Dato' Prof. Ir. Dr. Sahul Hamid Abu Bakar.

Pada sesi bengkel pula para Dekan Fakulti, Pengarah Kampus dan Ketua Bahagian telah diberikan gambaran dan pendedahan berhubung dengan keperluan dan pengukuran kualiti. Syarahan dan forum telah disampaikan oleh wakil-wakil dari SAPURA, NPC dan UNITAR. Disamping itu Timbalan Naib Canselor (Akademik) dan Dekan Fakulti Perubatan juga telah terlibat dalam memberikan syarahan dan forum. Di akhir perjumpaan deraf petunjuk prestasi yang telah disediakan oleh kumpulan bengkel telah dikemukakan terus kepada Y. Bhg. Dato' Seri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah. ■

TAHNNIAH



Berita Q ingin merakamkan ucapan tahniah kepada Y. Bhg. Dato' Prof. Ir. Dr. Sahul Hamid Abu Bakar atas lantikan sebagai Timbalan Naib Canselor (Akademik) baru-baru ini.



Y. Bhg. Dato' Seri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah sedang menyampaikan ucapan utama di Seminar dan Bengkel Perancangan Strategik Kualiti UiTM 2004.

**BERSAMA
MENJAYAKAN
PENSIJILAN
KORPORAT**




Forum yang disampaikan oleh TNC (P&P) Dato' Prof. Dr. Hj. Abdul Halim Bin Hj. Nawawi, Y. Bhg. Dato' Prof. Dr. Khalid Yusof dan Prof. Dr. James Graham.



Salah satu kumpulan peserta yang menyertai bengkel "Seminar Hala Tuju Kualiti UiTM Menjelang 2010".

Terima kasih



Warga fakulti mengucapkan terima kasih kepada Y. Bhg. Dato' Seri Prof. Dr. Ibrahim Abu Shah, Naib Canselor UiTM atas kepimpinan dan komitmen beliau sehingga membolehkan fakulti di UiTM mendapat pensijilan ISO 9001 Pengajaran dan Pembelajaran.

ANUGERAH KUALITI UiTM

Pencalonan bagi menyertai Anugerah Kualiti UiTM 2004 sedang dibuka sekarang. Setiap Kampus Cawangan, Fakulti, Bahagian, Pusat dan Unit dijemput untuk mengemukakan pencalonan.

Anugerah yang ditawarkan adalah seperti berikut:

- * Anugerah Kualiti Naib Canselor
- * Anugerah Kualiti Akademik
- * Anugerah Kualiti Pengurusan Pelanggan
- * Anugerah Kualiti Pendokumentasian dan Penambahbaikan
- * Anugerah 5S & Persekitaran
- * Anugerah Unit Kualiti Cemerlang

Sila hubungi InKA di talian telefon 03 - 55225411/12 untuk penjelasan lanjut.

Jadikan
UiTM
Terbaik


Pensijilan Korporat UiTM

DASAR KUALITI

UiTM komited untuk mengendalikan Program Diploma dan Ijazah Sarjana Muda yang berkualiti demi melahirkan graduan bumiputera profesional dan beretika yang global serta sentiasa memenuhi keperluan pelanggan.



UiTM akan melaksanakan sistem pengurusan profesional, cekap, berkesan dan bertanggungjawab ke atas perancangan, pelaksanaan program dan penambahbaikan secara berterusan untuk menjadi sebuah universiti yang bertaraf dunia.



1 JUN 2003/Kel 01/Phn 00

Pensijilan Korporat UiTM

OBJEKTIF KUALITI

Mencapai 30% daripada bilangan pelajar penuh masa tamat pengajian dengan CGPA melebihi 3.00.

Meningkatkan peratusan tenaga pengajar dengan kelayakan PhD/profesional sebanyak 30 % pada 2006.



Mencapai nisbah 1:15 bagi pensyarah:pelajar penuh masa pada 2006

Memastikan sekurang-kurangnya 30 penyelidikan yang berdaftar mendapat pengiktirafan badan luar setiap tahun.

Mencapai penglibatan staf akademik dalam bidang penulisan atau penerbitan ilmiah pada kadar purata satu per staf akademik setiap tahun.



1 JUN 2003/Kel 01/Phn 00

Pensijilan Korporat UiTM

VISI

Menjadikan UiTM sebuah universiti unggul yang berteras-kan keseragaman dan kecemerlangan akademik bagi menerajui dinamisme bumiputera dalam semua bidang profesional bertaraf dunia supaya terlahir graduan yang berdaya saing, global dan beretika.



MISI

Mempertingkatkan keilmuan dan kepakaran bumiputera dalam semua bidang menerusi penyampaian program profesional, penyelidikan serta penglibatan khidmat masyarakat yang berlandaskan kepada nilai-nilai murni dan etika keprofesionalan.



1 JUN 2003/Kel 01/Phn 00

Utusan Malaysia
Jumaat, 14 Mei 2004

Kerajaan sasar 75% pensyarah di IPT berkelayakan PhD

SUNGAI PETANI 13 Mei — Kementerian Pengajian Tinggi mensasarkan 75 peratus kalangan pensyarah di Institut Pengajian Tinggi (IPT) memiliki kelayakan Doktor Falsafah (PhD) atau setarafnya pada tahun 2010.

Menterinya, Datuk Dr. Shafie Salleh berkata, sasaran itu diletakkan selaras dengan matlamat menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan pendidikan serantau.

Menurutnya, visi itu boleh tercapai sekiranya IPT

dapat meningkatkan kualiti dalam kesemua aktiviti teras khususnya berkaitan dengan pengajaran dan penyelidikan.

"Bagi merealisasikan kecemerlangan dan kualiti yang tinggi, kita harus memastikan keupayaan dan kemampuan tenaga pengajar ditingkatkan," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas merasmikan kolokium hasil penyelidikan 2004 di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Kedah, Merbok dekat sini, hari ini. Hadir sama ialah Naib Canselor

UiTM, Datuk Seri Dr. Ibrahim Abu Shah dan Pengarah Kampus UiTM Cawangan Kedah, Prof. Madya Dr. Zaliha Hussin. Sebanak lapan kertas penyelidikan dari pensyarah UiTM (Cawangan Kedah) dibentangkan pada kolokium sehari itu.

Sehubungan itu Dr. Shafie menyeru semua tenaga pengajar IPT khususnya di UiTM dapat meningkatkan tahap kelayakan masing-masing bagi menjayakan visi kementerian itu.

Jelasnya, kementerian sedia menghantar pensyarah-

pensyarah dari semua IPT melanjutkan pelajaran di universiti tempatan atau luar negara bagi memastikan mereka memiliki PhD atau setarafnya.

Bagaimanapun tambahnya, jumlah pensyarah dari IPT itu akan ditetapkan untuk memastikan semua pensyarah berpeluang melanjutkan pengajian.

Menurutnya, para pensyarah yang berminat melanjutkan pengajian boleh mendapat biasiswa daripada Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) selain pinjaman daripada wang amanah IPT masing-masing bagi membiayai kos melanjutkan pelajaran ke luar negara.

Ralat

Dalam keluaran Berita Q April 2004, Fakulti Pengurusan Teknologi Pejabat juga sepatutnya disenaraikan mendapat Pensijilan ISO 9001:2000 Kami memohon maaf atas kesilapan yang berlaku.

Jadikan
UiTM
Terbaik

Ringkasan Audit Pengurusan Piagam Pelanggan UiTM

(Berdasarkan audit yang telah dijalankan di fakulti, bahagian, unit dan pusat di kampus UiTM Melaka, Johor dan Negeri Sembilan pada Mac 2004 yang lalu. Penilaian telah dilakukan oleh Puan Hayati Abdul Hamid, pensyarah UiTM Melaka selaku wakil INKA).

- * Masih terdapat beberapa **Ketua Jabatan** kurang pasti siapa pelanggan mereka.
- * 63.3% **Jabatan Dalam** ada Piagam Pelanggan
- * 48.4% Piagam Pelanggan yang terdapat di 3 kampus adalah sama dengan kampus induk Shah Alam.
- * Ketua Jabatan berpendapat Piagam Pelanggan haruslah sama dengan bahagian / fakulti di Shah Alam sebab perkhidmatan dan tugas adalah sama. Persamaan ini penting untuk penyelarasan.
- * Ketua Jabatan berpendapat Piagam Pelanggan haruslah **TIDAK** sama dengan bahagian / fakulti di Shah Alam sebab persekitaran, keutamaan pelanggan, bilangan aktiviti dan bilangan pelanggan tidak sama.
- * Kebanyakan Piagam Pelanggan dirangka oleh ketua bahagian dan unit masing-masing setelah berbincang dengan staf di bahagian/unit berkenaan.
- * Kebanyakan pemantauan Piagam Pelanggan dilakukan oleh INKA, ketua bahagian masing-masing, juruaudit kualiti dalaman dan jawatankuasa khas.
- * Program dan aktiviti yang telah dibuat untuk memastikan Piagam Pelanggan difahami dan dihayati oleh staf ialah melalui penerangan ketika mesyuarat, taklimat formal, penerbitan, bengkel, perbincangan, perjumpaan dan edaran salinan kepada staf.
- * 80.6% bersetuju iaitu saluran maklum balas sebagaimana yang dinyatakan dalam Piagam Pelanggan telah dikenalpasti dan dilaksanakan.
- * Saluran maklumbalas yang telah dikenalpasti adalah:
 - peti cadangan*
 - soalselidik/borang maklum balas*
 - perjumpaan dengan pelajar*
 - lotus notes*
 - portal*
 - temubual*
 - telefon*
 - perjumpaan terus dengan pegawai tertentu*
- * 45% mengatakan saluran yang dinyatakan adalah mencukupi.
- * Mereka yang berpendapat saluran maklum balas sedia ada tidak mencukupi kerana:
 - saluran sedia ada tidak bersifat menyeluruh

- tidak berpuas hati dengan saluran maklumbalas melalui peti cadangan
- perlukan cara yang lebih mudah seperti PORTAL
- perlukan respon secara berterusan
- bilangan pelajar semakin bertambah & citarasa berubah
- * 74.2% piagam ini telah diukur tetapi tiada mekanisme pengukuran secara khusus.
- * Ada yang berpendapat pengukuran tidak dibuat kerana:
 - peti cadangan tiada sambutan
 - laporan audit tahunan sudah dibuat, tak perlu pengukuran lain
 - belum dikenalpasti kriteria pengukuran kurang jelas keperluan dan kepentingannya
 - maklumbalas lisan sukar diukur
 - tiada cara pengukuran spesifik
 - tiada piawai pengukuran
 - tiada masa
 - tidak cukup staf untuk melaksanakannya
 - belum menerima rungutan
 - tiada saluran maklum balas khusus
- * Keseluruhannya memaklumkan tindakan pembetulan terhadap cadangan / keluhan pelanggan telah diambil tindakan.
- * 48.4% responden menyatakan Piagam Pelanggan mereka mematuhi standard format yang ditetapkan.
- * 58.1% berpendapat saiz poster Piagam Pelanggan yang dipamer adalah mencukupi.
- * 63.3% mengatakan Piagam Pelanggan telah dipamerkan di tempat yang strategik.
- * 54.8% responden menjawab ruang tempat mempamerkan Piagam Pelanggan adalah mencukupi.
- * 12.9% responden berpendapat IT digunakan dalam pengurusan Piagam Pelanggan ■

Catatan

Jabatan dalaman bermaksud, fakulti, bahagian, pusat, unit

Ketua Jabatan bermaksud ketua Bahagian, Unit, Pusat dan fakulti yang terdapat di kampus cawangan.

Jadikan
UiTM
Terbaik

Isu-Isu Berkaitan dengan Peranan Universiti



Prof. Madya Dr Ahmad Murad Merican, Fellow InKA

Peranan Institusi Pengajian Tinggi Awam di tanahair umumnya ialah bagi memenuhi kehendak-kehendak negara, gunatenaga dan permintaan sosial di samping tidak mengabaikan peranannya sebagai kecemerlangan akademik. Namun perkembangan akhir-akhir ini seolah-olah menonjolkan peranan universiti sebagai pelengkap kepada kehendak dan keperluan industri semakin ketara.

Berikut ialah sebahagian daripada tulisan Prof. Madya Dr Ahmad Murad Merican yang telah diterbitkan dalam Utusan Malaysia bertarikh 18 Mei 2004 (Hal.4).

Sesebuah Universiti itu sebenarnya adalah cabang pemikiran dan tamadun manusia – dan pemikiran dan tamadun manusia bukan hanya terletak pada industri dan sistem pasaran. Jika graduan diharapkan mahir apabila mula bekerja, maka adalah tanggungjawab industri seterusnya melatih dan mendidik tenaga kerjanya ke arah satu-satu kemahiran yang khusus dan yang lebih tinggi.

Dalam hal ini Universiti berperanan memenuhi keperluan manusia dan kemanusiaan, masyarakat dan tamadun. Universiti mesti memahami peranan kemanusiaannya sebagai mendahului industri dan pasaran – dan bukannya menumpu setakat industri dan profesion. Kemanusiaan dan tamadun telah sekian lama wujud.

Universiti memberi nilai kepada tamadun dan masyarakat. Universiti juga adalah kancang kepada penerbitan pemikiran dan ilmu. Universiti juga adalah suara hati budi masyarakat dan negara. Universiti hendaklah meneruskan relevan dalam membina kekuatan pemikiran dan perspektif diri manusia.

Namun satu persoalan yang kritikal ialah apakah bentuk kurikulum yang sesuai? Ini bergantung kepada banyak faktor, di antaranya dasar negara dan jati diri budaya yang masyarakat yang bermastautin dalam sesebuah negara itu, perkembangan industri dan pasaran dan falsafah, visi dan misi sesebuah universiti itu. Tetapi apa yang penting ialah apa yang yang disalurkan, dan ilmu dijanakan dan diguna pakai.

Walau apa pun Objektif kurikulum sesebuah universiti dan falsafah di sebalik pendidikan universiti, dalam menangani peranan dan fungsi pendidikan tinggi, satu Revolusi Nilai hendaklah dicetuskan. Dan bagi menghakikatkannya revolusi pendidikan yang diumumkan baru-baru ini, ia perlu didahului dengan revolusi nilai.

Apakah yang dimaksudkan dengan Revolusi Nilai itu?

Ruang ini bukanlah bertujuan menghuraikan maksudnya tetapi sekadar mengenalpasti aspek-aspek yang dapat merangkuminya. Revolusi nilai dikaitkan dengan merombak semula beberapa entiti dalam penyusunan masyarakat yang lazimnya diterima umum. Aspek-aspek tersebut ialah :

1. Memahami semula nilai gunaan ilmu kepada individu, budaya dan masyarakat manusia
2. Memahami semula nilai kemahiran dan pertukangan dalam menyara kehidupan
3. Memahami semula maksud status, darjat dan kelas dalam masyarakat
4. Memahami semula maksud industri, pasaran dan keusahawanan
5. memahami semula konsep pemilikan, harta dan kekayaan
6. Memahami semula kaitan institusi ekonomi dan moraliti
7. Memahami semula konsep dan amalan demokrasi dan penglibatan politik
8. Memahami semula perbezaan di antara kebendaan, harga dan nilai.

Hanya dengan satu cara Revolusi Nilai yang merangkumi aspek-aspek yang disebutkan dapat kita menangani masalah pendidikan tinggi. Universiti dan industri tidak wujud berasingan dengan institusi lain dalam masyarakat. Dalam hal ini, semua institusi secara serentak memerlukan satu anjakan dalam menentukan kesejahteraan perjalanan masyarakat. Malah dalam hal ini, inisiatif yang diambil oleh para pemimpin negara dan cendekiawan baik selepas atau sebelum merdeka membawa maksud sentiasa membentuk dan membentuk semula masyarakat. Idea tamadun baru secara tersiratnya sentiasa menguasai pemikiran para pemimpin sepanjang zaman. ■

Berita Ringkas

KURSUS PENINGKATAN KEFAHAMAN KUALITI DAN ISO 9001 VERSI 2000

Oleh Nora Harun

Unit Kualiti, UiTM Perak telah menganjurkan Kursus Peningkatan Kefahaman Kualiti dan ISO 9001 versi 2000 pada 2 hingga 4 April 2004 di Pines Resort, Fraser's Hill, Pahang. Seramai 110 peserta yang terdiri daripada Pengurusan Atasan UiTM Perak, Jawatankuasa Unit Kualiti dan Jawatankuasa Kerja Kualiti Akademik menghadiri program yang dirasmikan oleh Pengarah Kampus UiTM Perak, Prof. Madya Dr. Abdullah Mohamad Said. Kursus telah dikendalikan oleh Prof. Madya Nazri Kulup Mahmud, Koordinator Kualiti UiTM Perak dan Encik Rahman Ahmad Zubir, dari INTAN.

UiTM Sarawak Quality Retreat 2004

4 program heads and coordinators as well as departmental and unit heads participated in the 2004 Quality Retreat held on May 6 & 7 at hotel in Kuching. The program started with a keynote address by Campus Director, Assoc. Prof. Dr. Abdul Rahman Deen entitled, "QUALITY JOURNEY: Where are we and where are we heading?" This was followed by important discussions on the 2003 Executive Report and yearly activities of Quality Unit facilitated by Assoc. Prof. Iris, and Lelawati. The retreat concluded with implementations of the campus's three policies namely the Safety, Health and Environment Policies (Dasar KKP-Keselamatan, Kesihatan & Persekitaran) facilitated by Assoc. Prof. Abdul Halim, Madam Liew Gee Moi and Mr. Zayn al Abideen Gregory. Departmental and program heads were told to take immediate actions on the strategies recommended by the KKP groups.

Deraf Polisi dan Objektif

Keselamatan dan Kesihatan UiTM disediakan.

Satu jawatankuasa telah dilantik oleh Pejabat Selenggaraan untuk membantu menyediakan deraf polisi dan objektif keselamatan UiTM untuk diperakukan oleh pengurusan atasan Universiti. Bengkel telah diadakan pada 6 Mei 2004 bertempat di Intekma Resort & Convention Centre. Turut hadir ialah Timbalan Naib Canselor (Pelajar).



Kiri: Sebahagian dari peserta bengkel penyediaan deraf polisi dan objektif Keselamatan UiTM sedang berbincang

JAWATAN PENANDAARASAN UiTM PERLIS, KELANTAN & SABAH

UiTM Sarawak telah menerima tiga kunjungan dari UiTM Perlis (29-30 April 2004), UiTM Kelantan dan UiTM Sabah (kedua-duanya pada 12-13 Mei 2004). Tujuan ketiga rombongan tersebut ialah untuk mendalami gerakan kualiti di UiTM Sarawak. Satu taklimat mengenai pengurusan kualiti telah disampaikan oleh Ketua Unit Kualiti dan diikuti dengan pembentangan rombongan juga dibawa melawat blok akademik serta pejabat-pejabat pentadbiran untuk mendapat penjelasan khusus mengenai aspek-aspek seperti pelaksanaan piagam pelanggan, amalan 5 "S" dan amalan kualiti pentadbiran. Jawatan dua hari diakhiri dengan penukaran cenderahati.■

Jalan-Jalan Cari Gambar...



"Ditelan Pahit, Dibuang Sayang"

Berita Bergambar



Y.Bhg. Dato' Prof. Ir. Dr. Sahol Hamid Abu Bakar, Timbalan Naib Canselor (Akademik) dalam lawatan tidak rasminya di InKA pada 3 Jun 2004, jam 5.00 petang.

Bengkel Pemantapan dokumen prosedur pengurusan dan operasi ISO peringkat UiTM pada 25-26 Mei 2004, Cendikia 9, Intekma.



Audit Dalam Pensijilan Korporat ISO 9001 yang telah diadakan pada 7-9 Jun 2004, di aras bawah PTAR II, UiTM Shah Alam.

ISSN 1675-7564



Taip & Susun atur : Mohd Fadhel

Jadikan
UiTM
Terbaik